

## Mengharmonikan Etika Data Moden dengan Nilai-Nilai Islam: Suatu Kajian Literatur Sistematis

### *Reconciling Modern Data Ethics with Islamic Values: A Systematic Literature Review*

Mohd Hisyam Abdul Rahim<sup>1\*</sup>, Supangat<sup>2</sup>, Mochamad Yovi Fatchur Rochman<sup>3</sup>, Nur Aqilah Mohd Hisyam<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>2</sup> Jabatan Sistem Informasi, Fakulti Teknik Informatik, Universitas 17 Agustus 1945 Surabaya, Indonesia

<sup>3</sup> Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<sup>4</sup> Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

\*Pengarang Utama: [mdhisyam@uthm.edu.my](mailto:mdhisyam@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.016>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 10 September 2025

Diterima: 24 Oktober 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

#### Kata Kunci

Etika Islam, privasi data, maqasid al-shari'ah, kecerdasan buatan, syariah

#### Abstrak

Perkembangan pesat teknologi digital telah menimbulkan kebimbangan global terhadap etika data, privasi, dan keselamatan siber. Walaupun rangka kerja sekular seperti GDPR menawarkan pendekatan peraturan, nilai-nilai dan asas-asas etika namun ia masih kurang diterokai secara menyeluruh bersama nilai-nilai Islam. Kajian literatur sistematik ini meneliti persilangan antara etika data moden dan prinsip Islam dengan menganalisis artikel jurnal, teks undang-undang, dan fatwa yang diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2024. Berpandukan al-Quran menerusi kerangka Maqasid al-Shari'ah, khususnya perlindungan maruah (hifz al-'ird) dan harta (hifz al-māl), kajian ini menyoroti kewajipan etika dalam Islam berkaitan privasi digital. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ajaran Islam amat menitikberatkan kebertanggungjawaban, ketelusan, dan penjagaan maklumat peribadi. Namun, masih wujud jurang ketara antara nilai-nilai ini dengan amalan digital semasa, terutamanya dalam penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan pemanfaatan data tanpa persetujuan. Kajian ini mencadangkan agar nilai-nilai etika Islam diintegrasikan ke dalam dasar perlindungan data dan tadbir urus teknologi bagi memastikan pematuhan syariah yang selaras dengan nilai budaya dan agama. Kajian ini menyumbang kepada wacana etika digital berasaskan agama dan menawarkan cadangan praktikal untuk dasar perlindungan siber di negara-negara Islam.

#### Keywords

Islamic ethics, data privacy, maqasid al-shari'ah, artificial intelligence, shariah

#### Abstract

The rapid development of digital technology has raised global concerns regarding data ethics, privacy, and cybersecurity. While secular frameworks such as the GDPR offer regulatory approaches and ethical foundations, the integration of these frameworks with Islamic values remains largely underexplored. This systematic literature review examines the intersection between modern data ethics and Islamic

*principles by analysing journal articles, legal texts, and fatwas published between 2010 and 2024. Guided by the Qur'an through the framework of Maqasid al-Shari'ah—particularly the protection of dignity (ḥifẓ al-'ird) and property (ḥifẓ al-māl)—this study highlights the ethical obligations in Islam concerning digital privacy. The findings reveal that Islamic teachings place strong emphasis on accountability, transparency, and the safeguarding of personal information. However, a significant gap remains between these values and current digital practices, particularly in the use of artificial intelligence (AI) and the exploitation of data without consent. This study proposes the integration of Islamic ethical values into data protection policies and technology governance to ensure Shariah compliance in alignment with cultural and religious norms. The study contributes to the discourse on religion-based digital ethics and offers practical policy recommendations for cybersecurity governance in Muslim-majority countries.*

## 1. Pendahuluan

Perkembangan semasa dalam era digital masakini telah menjadikan data sebagai suatu aset yang amat berharga, mampu mempengaruhi proses pembuatan keputusan, tadbir urus, perdagangan, dan juga interaksi sosial. Perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), analitik data besar (Big Data), dan teknologi pengawasan telah meningkatkan kebimbangan global terhadap isu privasi dan etika digital. Walaupun rangka kerja kawal selia seperti General Data Protection Regulation (GDPR) daripada Kesatuan Eropah telah diperkenalkan bagi menangani isu ini, namun ia hanyalah berasaskan tradisi undang-undang dan falsafah Barat (Gorian & Osman, 2024).

Islam menawarkan asas-asas etika yang menyeluruh (syumul) sepertimana yang terkandung dalam ajaran al-Quran dan al-Sunnah serta mengelola isu-isu manusiawi menerusi kerangka maqasid al-shari'ah. Menurut Syeikh Dr. Ahmad al-Raisuni (1995) maqasid al-sharia'h adalah:

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Maksudnya: "Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia".

Manakala dari konteks al-daruriyat ia terbahagi kepada lima asas utama (al-dharuriyyat al-khamsah), iaitu: memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Al-Dharuriyyat al-Khamsah tersebut adalah merupakan suatu pembahagian yang telah dipelopori oleh Imam al-Ghazali (w. 505H) menerusi kitab beliau al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul (1992). Kerangka ini juga telah diungkapkan oleh al-Syatibi (w. 790H) dalam karya beliau al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah (2004) dengan katanya; "Ummah telah bersepakat bahawa syari'at diturunkan untuk menjaga al-dharuriyyat al-khamsah, iaitu: agama, nyawa, keturunan, harta dan akal." Oleh itu, prinsip utama maqāsid al-sharī'ah adalah untuk memelihara lima perkara; iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Selaras dengan perkembangan zaman dan keperluan-keperluan manusiawi, maqasid al-shari'ah tidak hanya terhad kepada lima perkara sepertimana yang telah disebutkan tadi. Yusuf al-Qaradawi (w. 1443H) telah menyenaraikan cabang maqasid al-shari'ah selanjutnya iaitu pemeliharaan maruah (ḥifẓ al-'ird) dalam karya beliau Dirāsah fi Fiqh Maqāsid al Shari'ah: bayna al Maqāsid al Kulliyah wa al Nūṣūṣ al Juz'iyah (2006). Lantaran itu didapati bahawa pemeliharaan maruah manusia (ḥifẓ al-'ird), pemeliharaan harta (ḥifẓ al-māl), dan amanah sosial juga amat mustahak dijaga pada era digital masakini.

Dapat difahami bahawa al-Quran dan maqasid al-shari'ah saling mempunyai pertalian yang kuat. Al-Quran mengandungi prinsip-prinsip dasar dan tujuan dari syariat Islam manakala maqasid al-shari'ah merupakan suatu mekanisme intepertasi dalam memahami dan mentafsirkan tujuan-tujuan serta hikmah-hikmah syarak yang terkandung dalamnya (Salami, 2012). Justeru, dalam konteks kajian ini, penjagaan privasi data individu seperti yang terkandung dalam surah al-Nur ayat 27 hingga ayat 28 dan surah al-Hujurat ayat 12 menjadi sandaran utama.

Prinsip-prinsip daripada ayat-ayat tersebut dilihat semakin diterapkan dalam konteks digital melalui fatwa dan garis panduan yang dikeluarkan oleh institusi Syariah seperti Dewan Syariah Nasional, Majlis Ulama' Indonesia (DSN-MUI), khususnya dalam isu dompet digital dan transaksi dalam talian (Hamsin et al., 2023) dan (Komaruddin et al., 2023). Di samping itu, negara seperti Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) turut memulakan usaha untuk mengintegrasikan prinsip etika Islam dalam strategi tadbir urus data dan kecerdasan buatan (AI) kebangsaan mereka (al-Kubaisi, 2024).

Walaupun terdapat pelbagai inisiatif, wujud kekurangan integrasi antara prinsip etika Islam dengan wacana etika digital kontemporari. Perbincangan global sering kali didominasi oleh perspektif sekular barat, menyebabkan kerangka nilai berasaskan agama kurang diberi perhatian. Kajian sedia ada lebih cenderung menumpukan kepada isu khusus secara terpisah seperti dompet digital patuh Syariah (Hamsin et al., 2023), perlindungan pengguna (Wibowo, 2024), atau etika kecerdasan buatan (AI) berpandukan Sunnah Nabi S.A.W. tanpa penyatuan kepada suatu model menyeluruh yang boleh memandu dasar dan reka bentuk teknologi dalam konteks Islam (Hamsin et al., 2023).

Kajian ini membentangkan satu tinjauan literatur sistematik yang cuba merapatkan jurang antara etika data moden dan nilai-nilai Islam, dengan mensintesis kajian akademik, teks undang-undang, dan fatwa yang diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2024. Dengan menggunakan kerangka maqasid al-shari'ah, kajian ini meneliti bagaimana prinsip Islam seperti keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti dapat diaplikasikan bagi menangani cabaran etika dalam privasi digital, keselamatan siber, dan tadbir urus kecerdasan buatan (AI). Kajian ini menyumbang secara asli dengan merumuskan asas etika tadbir urus data berteraskan al-Quran, dan menunjukkan kerangka nilai-nilai Islam yang boleh melengkapi serta memperkukuh inisiatif etika digital global (Putra et al., 2024).

## 2. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature Review (SLR) untuk mengenal pasti, menganalisis, dan mensintesis kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan etika data dan privasi dari perspektif Islam. SLR dipilih kerana kaedah ini memberikan pendekatan yang teliti, berstruktur, dan dapat diuji semula dalam meneliti topik secara komprehensif (Kitchenham & Charters, 2007).

### 2.1 Reka Bentuk dan Soalan Kajian

Reka bentuk SLR ini mengikuti garis panduan umum yang dicadangkan oleh Kitchenham dan Charters (2007) dalam pendekatan kajian literatur sistematik, serta disesuaikan mengikut konteks pengajian Islam dan teknologi digital. Kajian ini melibatkan tiga fasa utama: (Kitchenham & Charters, 2007), perancangan kajian; (Putra et al., 2024). pelaksanaan pencarian dan penyaringan literatur; dan (Moher et al., 2009), pengekstrakan dan analisis data.

Kajian ini dibentuk bagi menjawab beberapa persoalan utama seperti berikut:

- Bagaimana prinsip-prinsip etika Islam diterapkan dalam wacana moden tentang privasi dan data digital?
- Apakah kerangka nilai-nilai Islam yang boleh menyumbang kepada dasar perlindungan data yang lebih holistik?
- Apakah jurang pengetahuan yang masih wujud dalam keselarasan antara prinsip Islam dan tadbir urus data kontemporari?

### 2.2 Kriteria Kelayakan

Disenaraikan beberapa kriteria yang merangkumi kriteria inklusif dan eksklusif dalam memilih menyaring dan mengenalpasti artikel-artikel yang berkait dengan kajian ini. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:

#### 2.2.1 Kriteria Inklusif

- Artikel jurnal berwasit yang diterbitkan antara tahun 2010 hingga 2024.
- Kajian yang membincangkan privasi, perlindungan data, keselamatan siber, AI, dan etika digital dari perspektif Islam.
- Sumber dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, atau Bahasa Indonesia.
- Dokumen rasmi seperti fatwa DSN-MUI atau dokumen kerajaan yang relevan.

#### 2.2.2 Kriteria Eksklusif

- Artikel berbentuk editorial, pendapat peribadi, berita, atau kandungan tidak berwasit.
- Kajian yang hanya membincangkan etika digital tanpa menyentuh konteks Islam.
- Duplikasi kajian yang tidak menambah nilai kandungan.

### 2.3 Proses Pencarian

Proses pencarian literatur dilakukan menggunakan pangkalan data akademik seperti Scopus, Web of Science, Google Scholar, DOAJ, dan Garuda. Kata kunci yang digunakan termasuk gabungan Boolean seperti:

("Islamic ethics" OR "etika Islam") AND ("data privacy" OR "privasi data") AND ("digital ethics" OR "etika digital") AND ("maqasid al-shari'ah" OR "nilai Islam") AND ("AI" OR "kecerdasan buatan")

Hasil pencarian awal menghasilkan sebanyak 134 dokumen, yang kemudiannya ditapis melalui proses penyaringan judul, abstrak, dan kandungan penuh, lalu dikurangkan menjadi 16 artikel yang memenuhi kriteria inklusif.


### 2.4 Prosedur Penyaringan

Proses penyaringan dilakukan dalam tiga tahap:

- a. Penyaringan awal: Berdasarkan judul dan abstrak.
- b. Pemeriksaan kandungan penuh: Untuk memastikan kesesuaian dengan soalan kajian.
- c. Pemeriksaan kualiti: Menggunakan instrumen penilaian kualitatif sederhana seperti struktur logik, kesesuaian teori Islam, dan aplikasi praktikal dalam konteks digital (Putra et al., 2024).

Prosedur penyaringan ini digambarkan menggunakan gambarajah PRISMA (Preferred Reporting Item for Systematic Reviews and Meta-Analysis), selaras dengan cadangan Moher et al. (2009). Rajah berikut disertakan bagi menunjukkan proses dan pelaporan PRISMA tersebut:

Rajah 1: Pelaporan PRISMA berkait Etika Data Moden dan Nilai-nilai Islam



### 2.5 Teknik Analisis

Analisis dilakukan menggunakan pendekatan tematik induktif, di mana data dari setiap kajian dianalisis untuk mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan prinsip Islam dalam perlindungan data. Setiap tema yang dikenal pasti dikaitkan kembali dengan prinsip maqāsid al-sharī'ah, seperti perlindungan harta (ḥifẓ al-māl), maruah (ḥifẓ al-'ird), dan agama (ḥifẓ al-dīn) (Hamsin et al., 2023) dan (Komaruddin et al., 2023).

### 3. Dapatan Proses Systematic Literature Review (SLR)

#### 3.1 Prinsip Etika Islam dalam Perlindungan Data Digital

Kajian ini telah dapat mengenalpasti tiga prinsip utama dalam pelaksanaan etika data digital seperti berikut:

- a. Kejujuran (al-ṣidq)
- b. Amanah
- c. Tanggung jawab (al-mas'uliyah)

Larangan terhadap pelanggaran privasi individu, larangan pencerobohan ruang peribadi dan larangan penyebaran maklumat tanpa izin (Putra et al., 2024), jelas digariskan dalam surah al-Nur ayat 27 dan 28, begitu juga dalam surah al-Hujurat ayat 12 di bawah ini:

Maksud surah al-Nur, no. 24 ayat 27 dan 28;

"27. Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya! Yang demikian itu lebih baik bagimu, agar kamu selalu ingat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). 28. Sekiranya kamu tidak menemui seorang pun di dalamnya (yang berhak memberi izin), maka janganlah kamu memasukinya sebelum kamu mendapat izin. Dan jika dikatakan kepadamu, "kembalilah!". Maka (hendaklah) kamu berundur balik. Itu adalah lebih suci bagimu. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan."

Maksud surah al-Hujurat, no. 49 ayat 12;

"12. Wahai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada prasangka (supaya kamu tidak membuat sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa, dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan atau keaiban orang lain dan janganlah kamu mengumpat sebahagian yang lain! Apakah ada antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka sudah tentu kamu berasa jijik (untuk melakukannya). Dan betaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasih."

Menerusi dalil-dalil tersebut, ia mengagakkan bahawa perlindungan data peribadi bukan hanya isu teknikal, namun ia juga berkait rapat dengan nilai moral, etika dan tanggungjawab ukhrawi (Komaruddin et al., 2023). Menurut Hamsin et al. (2023), perlindungan terhadap identiti digital dan maklumat peribadi yang sensitif adalah berkait dengan penjagaan maruah dan harta dalam konteks maqāsid al-sharī'ah.

#### 3.2 Aplikasi Maqāsid al-Sharī'ah dalam Dunia Siber

Dua prinsip utama maqasid telah dikenalpasti dan dapat diterapkan serta amat sesuai menjadi dasar dalam konteks keselamatan data digital yang holistik masakini. Prinsip tersebut adalah:

- a. Memelihara akal (ḥifẓ al-'aql). Ia dapat dikaitkan dengan keperluan untuk melindungi pengguna daripada manipulasi maklumat, disinformasi, atau serangan siber yang boleh menjejaskan pemikiran rasional (Hamsin et al., 2023).
- b. Prinsip menutup pintu kepada kemudaratan (sadd al-dharā'i'). Ia merupakan suatu pendekatan pencegahan terhadap pelanggaran data dan penggunaan algoritma yang eksploitatif (Komaruddin et al., 2023).

Mekanisme ini akan dapat mengelakkan penipuan (gharar) dan juga fitnah terhadap seseorang individu. Disamping itu, ketelusan dan kejelasan dalam transaksi dan komunikasi digital dapat ditekankan sepertimana pandangan Musfiah Saidah dan Hilya Maylaffazya (2024)..

#### 3.3 Etika Islam dalam Kecerdasan Buatan (AI) dan Tadbir Urus Data

Kajian mendapati bahawa beberapa buah negara Islam seperti Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah mula mengembangkan rangka kerja etika AI yang disesuaikan dengan nilai-nilai Islam. Nilai-nilai yang telah diterapkan adalah seperti berikut:

- a. Keadilan (al-'adalah),
- b. Penghormatan terhadap privasi (iḥtirām al-khusūsiyyah) dan,
- c. Tanggungjawab moral (taqwā) (Gorian & Osman, 2024).

Antara contoh yang dapat dikemukakan ialah pendekatan "privacy by design" dalam perisian pintar yang dikembangkan di UAE. Ia mencerminkan prinsip Islam dalam merancang sistem yang mengelakkan kemudaratan sejak awal (*ittiqa' al-fitnah*) (Gorian & Osman, 2024).

Kajian juga mendapati betapa perlunya penerapan prinsip keadilan dalam algoritma AI agar tidak mencetuskan diskriminasi terhadap kumpulan tertentu, sejajar dengan *hifz al-nafs* dan *hifz al-din* sepertimana yang telah digariskan dalam *maqasid al-shari'ah* (al-Kubaisi, 2024).

### 3.4 Cabaran Pelaksanaan Nilai Islam dalam Teknologi Modern

Walaupun prinsip-prinsip Islam memberikan asas etika yang kukuh, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaannya:

a. Kelemahan Literasi Teknologi dalam Kalangan Ulama

Fatwa-fatwa sedia ada seperti dari Dewan Syariah Nasional, Majlis Ulama' Indonesia (DSN-MUI) mengenai e-wallet lebih tertumpu kepada struktur transaksi, dan kurang memperincikan isu teknikal seperti pelanggaran data atau kebocoran meta-data (Hamsin et al., 2023).

b. Jurang Perundangan Syariah dan Sivill

Banyak negara Islam belum sepenuhnya menyepadukan prinsip-prinsip Islam dalam undang-undang perlindungan data nasional, menjadikan perlindungan privasi bergantung pada kerangka Barat yang tidak semestinya sesuai dengan nilai tempatan (Siregar et al., 2023).

c. Etika Algoritma dan Pemprofilan Data

Amalan pemprofilan automatik dan pengumpulan data tanpa kebenaran jelas bertentangan dengan prinsip gharar dan maysir yang diharamkan dalam Islam (Komaruddin et al., 2023).

### 4. Cadangan Masa Hadapan Mengenai Etika Data Digital Berasaskan Maqasid Shari'ah

Kajian ini mendapati bahawa terdapat peluang bagi mengintegrasikan nilai-nilai Islam seperti keadilan, amanah, dan keterbukaan dalam wacana etika digital global. Penggabungan kerangka *maqasid al-shari'ah* ke dalam dasar teknologi membolehkan pembangunan sistem yang lebih adil, lestari, dan selaras dengan nilai agama (Hamsin et al., 2023), (Wibowo, 2024) dan (al-Kubaisi, 2024).

Berikut merupakan jadual bagi menjelaskan kaitan dan pengimplementasian etika data digital berteraskan *maqasid al-shari'ah* bagi melindungi hak-hak pengguna selaras dengan ajaran Islam. Diharapkan menerusi nilai-nilai yang diterapkan dalam pembangunan sistem kecerdasan buatan (AI) dan Big Data, keselamatan dan kesejahteraan manusia dalam dipelihara dan dilindungi daripada anasir-anasir yang merosakkan.

Isu-isu Data Moden	Penerapan Prinsip & Nilai Teras	Jenis <i>Maqasid al-Shari'ah</i>
1. Perlindungan Data Digital	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebenaran</li> <li>• Amanah</li> <li>• Akauntabiliti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjagaan Maruah</li> <li>• Penjagaan Harta</li> </ul>
2. Keselamatan Siber	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketelusan</li> <li>• Pencegahan terhadap kemudaratan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjagaan Akal &amp; Nyawa</li> <li>• Penjagaan Harta</li> </ul>
3. Keutuhan Tadbir Urus Data	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadilan</li> <li>• Privasi</li> <li>• Taqwa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjagaan Diri</li> <li>• Penjagaan Agama</li> </ul>

Jadual 1: Etika Data Moden Berteraskan *Maqasid al-Shari'ah* Hasil Analisis Penulis

## 5. Penutup

Kajian ini telah mengkaji secara sistematik literatur berkaitan privasi data dan etika digital dari perspektif Islam, dengan menekankan kaedah prinsip-prinsip maqasid al-shari'ah dapat menyumbang secara signifikan terhadap pembentukan kerangka etika data moden. Hasil sintesis literatur menunjukkan bahawa Islam, melalui nilai-nilai seperti kejujuran (ṣidq), amanah, keadilan ('adālah), dan penghormatan terhadap maruah (ḥifz al-'ird), memberikan panduan etika yang kuat dalam menguruskan privasi maklumat dan data peribadi dalam konteks digital.

Walaupun kerangka privasi antarabangsa seperti GDPR telah menjadi rujukan global, kajian ini menegaskan bahawa nilai-nilai Islam bukan sahaja selari dengan prinsip tersebut, tetapi turut memperkukuhnya dengan dimensi moral, spiritual, dan sosial yang lebih menyeluruh. Pendekatan Islam terhadap perlindungan data tidak hanya berasaskan kepatuhan undang-undang, tetapi juga berakar pada kesedaran terhadap tanggungjawab ukhrawi dan keadilan sosial.

Namun begitu, pelaksanaan prinsip-prinsip Islam dalam tadbir urus data digital masih menghadapi pelbagai cabaran, termasuk jurang antara undang-undang syari'ah dan sivil, kekurangan kesedaran teknologi dalam kalangan ulama, serta keperluan untuk kerangka dasar yang lebih kontekstual dan komprehensif. Justeru, kajian ini mencadangkan pentingnya kerjasama antara pakar syari'ah, pembuat dasar, dan jurutera teknologi untuk merangka dasar perlindungan data yang bersepadu, kontekstual, dan mematuhi prinsip-prinsip Islam.

Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada wacana etika digital global dengan menawarkan perspektif Islam sebagai asas alternatif yang berdaya saing, beretika, dan berperikemanusiaan. Penemuan ini diharapkan dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjut dan pembangunan dasar yang lebih inklusif serta patuh syariah dalam era digital yang semakin kompleks.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan dan dorongan sepanjang proses kajian ini.

## Rujukan

### Al-Quran

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) & Rimbunan Islamik Media. (2022). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran (Edisi Rumi Baharu; S. A. Basmeih, Penterj., Lajnah Pentashih JAKIM, Pent.). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia & Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.

Al-Asqalani, Ahmad b. Ali b. Hajar. (2015). Fath Al-Bari Bi Syrah Sahih Al-Bukhari. Beirut: Dar Ibn Hazm

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad (1992). Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul. Cairo: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.

Al-Kubaisi, A. A. S. H. (2024). "Ethics of Artificial Intelligence: A Purposeful and Foundational Study in Light of the Sunnah of Prophet Muhammad," Religions, 15 (11), art. 1300.

Al Qaradawi, Yusuf (2006). Dirāsah fī fiqh maqāsid al Shari'ah: Bayna al maqāsid al kulliyah wa al nūṣūṣ al juz'iyyah. Kaherah: Dār al Shurūq.

Al-Raisuni, Ahmad (1995). Nazhariyyatul Maqasid 'inda al-Imam al-Syathibi. Cairo: Dar al-Kalimah.

Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad (2004). Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Gorian, E., & Osman, N. D. (2024). Digital Ethics Of Artificial Intelligence (AI) In Saudi Arabia And United Arab Emirates. Malaysian Journal of Syariah and Law, 12(3), 583-597. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.798>

Hamsin, M. K., Halim, A., Anggriawan, R., dan Lutfiani, H. (2023). "Sharia E-Wallet: The issue of Sharia compliance and data protection," Al-Manāhij: Jurnal Kajian Hukum Islam, 17 (1), 53-68.

Hamsin, M. K., Halim, A., dan Anggriawan, R. (2023). "Addressing Cybercrime in the Sharia Digital Wallet Industry," E3S Web of Conferences, vol. 440, art. 04016.

Komaruddin, K., Prastyo, M., dan Hamid, A. M. (2023). "Islamic perspectives on cybersecurity and data privacy: Legal and ethical implications," West Science Law and Human Rights.

Kitchenham, B. and Charters, S. (2007). "Guidelines for Performing Systematic Literature Reviews in Software Engineering," EBSE Technical Report, Ver. 2.3, Keele University and Durham University Joint Report.

Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G. (2009). "Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses: The PRISMA Statement," PLoS Medicine, 6 (7), e1000097.

Musfiah Saidah dan Hilya Maylaffazya (2024). Data Privacy in Islamic Communication Perspective. KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi, 18 (1), 25-36. <https://doi.org/10.24090/komunika.v18i1.7847>

Muslim b. Hujjaj. (2016). Sahih Muslim. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.

Putra, F. M., Hilal, S. dan Hanif (2024). "Islamic legal approach to privacy and cybersecurity in the digital age," Jurnal Manajemen dan Akuntansi, 2 (1) 200–204.

Salami, F. (2012). The Maqasid Theory in Imam Ghazali's View: Textual Analytical Study. QURANICA-International Journal of Quranic Research, 3(2), 178-214.

Siregar, R. S., Syakban, M., Rosele, M. I. B., Hamsin, M. K., Halim, A., Anggriawan, R., & Lutfiani, H. (2023). Sharia E Wallet: The Issue of Sharia Compliance and Data Protection. Al Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam, 17(1), 53–68. <https://doi.org/10.24090/mnh.v17i1.7633>

Wibowo, D. E. (2024). "Consumer protection in the digital era: Challenges and solutions from an Islamic legal perspective," Jurnal Ilmiah Mizani, 11(2), 473–486.